

Rumah pangsa kotor: Penduduk kena bertanggungjawab

IPOH - Kerajaan negeri mencadangkan penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di rumah pangsa Taman Pertama, Sungai Pari, di sini, bagi menangani pelbagai permasalahan yang wujud di kawasan berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, KRT membolehkan kesemua penghuni rumah pangsa berkenaan bertanggungjawab menangani permasalahan berkenaan terutamanya melibatkan sampah yang agak keterlaluan di situ.

Menurutnya, kewujudan KRT juga membolehkan kesemua 127 penghuni di sini bertanggungjawab dan bekerjasama dan tidak lagi tinggal dalam 'dunia' masing-masing.

"Tempat ini dah jadi seperti tempat pembuangan sampah. Amat mendukacitakan kerana kerja-kerja pembersihan bukan hanya sehari. Kita tak boleh tuding jari kepada satu pihak tetapi perlu sama-sama laksanakan.



Zambry melihat timbunan sampah yang terdapat di rumah pangsa Taman Pertama, kelmarin.

"Dari segi pendekatan, kita perlu lihat keseluruhan aspek. Saya tak mahu buat tuduhan kepada mana-mana pihak. Masalahnya bukan hanya timbunan sampah, tetapi terdapat juga sampah-sampah lain untuk kita bersihkan," katanya pada program gotong-royong di rumah pangsa Taman Pertama, Buntong, kelmarin.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan keluhan penduduk rumah pangsa berkenaan yang mahu kerajaan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) membantu menyelesaikan masalah kebersihan dan kegiatan jenayah yang berlaku di situ.

Keadaan berlarutan sejak beberapa tahun menyebabkan sebahagian besar peng-

huni takut untuk mendiami rumah masing-masing.

Mengulas lanjut, Zambry menyifatkan timbunan sampah itu juga sebenarnya berkaitan dengan sikap penghuni di rumah pangsa berkenaan.

Katanya, timbunan sampah bukan disebabkan oleh faktor kemiskinan tetapi juga disebabkan oleh masalah lain.